

Pertingkat operasi pembenihan awan

» *Bacaan paras air di empangan belum catat peningkatan*



Wilfred Madius Tangau

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Nur Fatin Mohd Safar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Operasi pembenihan awan akan digandakan berikutan cuaca panas berterusan menyebabkan bacaan paras air di empangan yang terjejas di beberapa negeri kini masih belum merekodkan peningkatan mendadak.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, berkata pihaknya menerusi Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) akan mengesyorkan kepada Agensi Penguurusan Bencana Negara (NADMA) supaya operasi pembenihan ini diteruskan.

Bagaimanapun, katanya, berdasarkan pemantauan cuaca ketika ini, suhu melebihi 37 darjah celsius yang dicatatkan di beberapa kawasan sebelum ini mula merekodkan bacaan menurun.

"Ini disebabkan ketika ini kita sudah berada dalam musim peralihan dan cuacanya adalah lebih lembap, selalunya akan berlaku hujan dan ribut petir di sebelah petang.

"(Penurunan) hujan (akan)

membantu (menambah bekalan air di kawasan empangan serta menurunkan suhu di kawasan terbabit)," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata, kekangan operasi pembenihan awan pada waktu ini adalah mencari awan yang sesuai dalam kawasan tadahan empangan untuk pembenihan.

"Dari 12 April hingga 15 April, Perlis agak kering. Operasi pembenihan bagi Kedah agak berjaya berbanding Perlis.

Tanah terlalu kering

"Biarpun semalam dilaporkan hujan dari jam 3 petang hingga jam 8 malam (di Perlis), namun ia tidak membantu meningkatkan paras air di empangan Timah Tasoh, Perlis. Mungkin faktor tanah yang terlalu kering dan merekah menyebabkan air hujan meresap ke dalam tanah," katanya.

Berdasarkan data suhu maksimum MetMalaysia yang dikeluarkan sehingga kelmarin, sembilan kawasan mencatatkan bacaan suhu maksimum pada tahap berjaga-jaga dan isytihar gelombang haba.

Ia termasuk di Batu Embun di Jerantut, Pahang dan Kuala Krai, Kelantan (37.4 darjah celsius); Temerloh (36.7 darjah celsius); Kota Bharu (35.3 darjah celsius); Senai (35.4 darjah celsius); Muadzam Shah (35.2 darjah celsius); Mersing (36.9 darjah celsius); Batu Pahat (35.1 darjah celsius) dan Limbang, dengan bacaan 36.1 darjah celsius.

Menurut definisi gelombang haba MetMalaysia, tahap 0: suhu di bawah 35 darjah celsius (pemantauan); tahap 1: antara 35 darjah celsius hingga 36.9 darjah celsius selama tiga hari berturut-turut (berjaga-jaga); tahap 2: melebihi 37 darjah celsius untuk tiga hari berturut-turut (isytihar gelombang haba) dan tahap tiga pula, suhu melebihi 40 darjah celsius untuk tiga hari berturut-turut (isytihar kecemasan).

Ditanya mengenai sama ada pengisytiharan kecemasan boleh dibuat ketika ini, Wilfred berkata, ketetapannya hanya akan diputus secara bersama oleh satu jawatankuasa khas yang ditubuh membabitkan pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan; Kementerian Kesihatan serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar sebelum ini menyatakan pengisytiharan itu hanya akan dilakukan di kawasan yang mencapai suhu melampau melebihi 40 darjah celsius selama atau melebihi tujuh hari dalam tempoh cuaca panas dan kering yang berpanjangan.

INFO

Data suhu maksimum di Malaysia pada 15 April hingga 17 April



	14/4	16/4	17/4
ALOR SETAR	35.6	35.9	34.4
BATU EMBUN	33.9	38.4	37.4
CHUPING	37.0	37.6	34.6
IPOH	35.1	35.1	33.2
LUBOK MERBAU	35.3	36.2	34.4
PRAI	35.6	35.2	33.2
PETALING JAYA	35.7	36.0	34.5
SUBANG	35.6	36.1	34.4
KLIA	34.4	35.0	30.1
TEMERLOH	34.8	37.5	36.7
KOTA BHARU	34.9	34.0	35.3
KUALA KRAI	36.4	37.5	37.4
KUALA PILAH	34.8	36.0	34.3
SENAI	33.2	36.6	35.4
MUADZAM SHAH	33.2	36.6	35.2
MERSING	35.2	35.1	36.9
KAPIT	33.2	36.3	34.4
SIBU	33.4	35.3	34.3
SRI AMAN	33.1	35.1	32.9
GONG KEDAK	34.6	34.3	34.9
BATU PAHAT	33.0	34.7	35.1
KLUANG	34.7	35.9	34.1
MULU	35.0	35.3	34.5
LIMBANG	35.0	35.2	36.1
KENINGAU	32.9	35.3	34.6

Sumber: MetMalaysia

- Suhu Maksimum Harian 35°C - 36.9°C (berjaga-jaga)
- Suhu Maksimum Harian 37°C - 39.9°C (isytihar gelombang haba)
- Suhu Maksimum Harian 40°C atau lebih (isytihar kecemasan)